

## KHUTBAH JUMAAT

### “SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG MEMAYUNGI AGAMA DAN NEGARA” (6 September 2024M/ 2 Rabiulawal 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon.

Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Memayungi Agama Dan Negara**”.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Alhamdulillah, dalam sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara kita, raja diletakkan pada kedudukan yang paling tinggi dan memiliki fungsi yang bukan sahaja untuk melindungi agama dan negara, tetapi juga menjadi lambang perpaduan dan kesejahteraan seluruh masyarakat.

Sesungguhnya, sultan, raja atau khalifah ialah penyambung dan pewaris kepada tugas kenabian untuk menjaga agama dan mentadbir negara. Perkataan ‘sultan’ berasal daripada perkataan Arab, diulang beberapa kali dalam al-Quran seperti dalam ayat 151 Surah Ali Imran, ayat 153 Surah al-Nisa, ayat 96 Surah Hud, ayat 40, Surah Yusuf, ayat 22 Surah Ibrahim, ayat 42 Surah al-Hijr, dan ayat 33 Surah al-Isra’.

Selain daripada kalimah ‘sultan’, al-Quran menggunakan perkataan-perkataan lain seperti ‘Ulil Amri’ atau ‘Amir’ dan ‘Malik’ yang merujuk jawatan pihak berkuasa dalam sesebuah pemerintahan atau kerajaan.

Di negara yang tercinta ini, mengikut Perkara 32 (1) Perlembagaan Persekutuan, Ke Bawah Duli yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara. Sebagai Ketua Negara, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua tertinggi persekutuan yang melaksanakan urusan kerajaan terutamanya menaungi rakyat dengan keadilan dan keprihatinan. Baginda juga bertindak sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri tidak beraja iaitu Pulau Pinang, Sarawak, Sabah,

Melaka dan Wilayah Persekutuan. Manakala di negeri-negeri lain, Ketua Agama Islam ialah Sultan atau Raja di negeri berkenaan. Rakyat dapat hidup aman damai dengan sistem ini tanpa kekacauan atau haru-biru kerana kita percaya bahawa kita mempunyai seorang raja berdaulat yang merupakan pemerintah tertinggi negara kita bergelar Yang di-Pertuan Agong.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sejarah negara kita melakarkan, kedatangan Islam di Alam Melayu sejak abad ke-13, telah membolehkan Islam berkembang melalui perdagangan, penaklukan dan perkahwinan sehingga Islam menjadi akidah dan cara hidup kerajaan dan masyarakat Melayu setempat.

Dengan rahmat llahi, raja-raja di Alam Melayu memilih Islam sebagai agama anutan. Berdasarkan semangat ketaatan dan kesetiaan orang Melayu kepada raja; lebih utama dipengaruhi oleh keyakinan dan kepercayaan Orang Melayu terhadap kepimpinan raja, apabila Sultan Melaka pertama, Raja Iskandar Shah, menganut Islam pada tahun 1414 Masihi, rakyat berduyun-duyun mengikuti baginda.

Inilah kesannya apabila Sultan atau Ketua telah beriman dan bertakwa, maka seluruh wilayah akan mengikutinya. Fudhayl bin 'Iyadh *rahimahullah* pernah berkata:

*"Seandainya aku mempunyai doa yang mustajab, nescaya akan aku panjatkan doa untuk pemerintah".*

Demikianlah besarnya pengaruh dan peranan Sultan kepada perkembangan dakwah Islam.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga menggalakkan untuk kita saling mendoakan antara satu sama lain. Sabda Nabi *sallallahu alaihi wasallam*:

((... وَتُصَلُّونَ عَلَيْهِمْ وَيُصَلُّونَ عَلَيْكُمْ ...))

**Maksudnya:** ... kamu mendoakan (kebaikan) untuk mereka, dan mereka (para pemerintah) mendoakan (kebaikan) untuk kamu ...

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Terdapat satu kitab berjudul al-Ahkam al-Sultaniyah karangan Imam al-Mawardi *rahimahullah* membahaskan tentang tanggungjawab seseorang pemerintah, paling utama ialah:

"... حِرَسَةُ الدِّينِ وَسِيَاسَةُ الدُّنْيَا ..."

**Maksudnya :** Menjaga agama dan mengurus tadbir urusan dunia.

Dalam Islam, pemimpin yang adil itu disebut sebagai salah satu dari golongan yang doanya tidak ditolak oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Imam Ibnu Majah *rahimahullah* meriwayatkan daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((ثَلَاثَةٌ لَا تُرَدُّ دَعْوَتُهُمْ : الْإِمَامُ الْعَادِلُ ...))

**Maksudnya:** *Tiga golongan yang tidak akan ditolak (oleh Allah subhanahu wata'ala) doa mereka (antaranya): ialah pemimpin yang adil ... .*

Maka dalam hal ini, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang juga merupakan ketua negara menjadi suri teladan yang paling baik untuk dicontohi oleh mana-mana pemimpin selaras dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لَمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا (٢١)

**Maksudnya:** *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (pada masa susah dan senang).*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Alhamdulillah kita dikurniakan seorang sultan berjiwa rakyat, yang menyempurnakan amanah pemerintahan dengan sifat-sifat insani, dan berusaha memastikan keamanan dan kesejahteraan rakyat diutamakan dalam apa-apa jua situasi. Semoga kebijaksanaan pimpinan seorang Sultan, akan diperkuuhkan dengan nasihat barisan ulama yang tegas dan barisan umara yang ikhlas, akan didukung dengan ketaatsetiaan rakyat yang hidup harmoni, dan lebih utama akan dilimpahi cahaya petunjuk llahi.

Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sentiasa diberi kesihatan, kesejahteraan, dan kekuatan dalam mentadbir negara. Doa kami rakyat jelata juga supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sentiasa berada dalam rahmat, keberkatan dan bimbingan Allah *subhanahu wata'ala* jua dalam usaha memayungi seluruh rakyat di bawah teduhnya rasa aman dan sentosa di negara yang tercinta ini.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

**Pertama:** Jadilah hamba Allah *subhanahu wata'ala* yang taat pada pemerintah dalam perkara yang makruf sebagaimana yang diperintahkan dalam Islam.

**Kedua:** Hubungan baik dan erat dengan pemerintah perlu diteruskan dengan masing-masing saling mendoakan sesuai dengan tuntutan agama.

**Ketiga:** Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita wajib menjauhkan diri dari segala perbuatan jahat dan sangkaan buruk terhadap pemerintah dan sesama masyarakat, yang boleh membawa kepada keadaan huru-hara atau tidak aman dalam negara.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah subhanahu wata'ala dalam Surah al-Nisaa, ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَلْأَمْرٌ مِنْكُمْ  
فَإِن تَرَغَبُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا (٥٩)

**Maksudnya** : "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita semua sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya terhadap situasi cuaca tidak menentu yang melanda negeri kita pada waktu ini. Adakalanya keadaan seperti cuaca kering, berjerebu, kebakaran hutan dan adakalanya hujan lebat yang boleh mendatangkan musibah kepada kita. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قال الله تعالى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ  
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.